

# Program 'FBEA Family Day' sesi 2018/2019 anjuran PMPEP meriah

4B 8.11.2018 B2

KOTA KINABALU:  
Fakulti Perniagaan, Ekonomi  
dan Perakaunan (FPEP),  
Universiti Malaysia Sabah  
(UMS) melalui Persatuan  
Mahasiswa Perniagaan,  
Ekonomi dan Perakaunan  
(PMPEP) berjaya  
menganjurkan program  
'FBEA Family Day' sesi  
2018/2019 baru-baru ini  
bertempat di Kompleks  
Sukan UMS.

Program ini berjaya  
menghimpunkan pelajar  
fakulti yang terpilih seramai  
200 orang mahasiswa  
mahasiswi daripada 10  
program yang ada di FPEP  
dengan pelbagai pengisian  
aktiviti yang menarik dan  
bermanfaat.

Menurut Pengarah Program  
Mohd Najmie Ahmad  
Tarmizi, program seperti ini  
adalah platform terbaik bagi  
mahasiswa mahasiswi FPEP  
di dalam 10 program utama  
saling mengenali dan bertukar



**SESI bergambar bersama Dekan Fakulti Prof Madya Dr Raman Noordin bersama ahli keluarga besar FPEP sempena Hari Keluarga FBEA.**

pandangan serta pendapat  
seterusnya membentuk ikatan  
kekeluargaan yang lebih baik  
dalam kalangan mahasiswa/i  
serta pengurusan fakulti  
berkenaan.

Program ini dihadiri oleh

Dekan Fakulti Prof Madya  
Dr Raman Noordin, barisan  
Timbalan Dekan, Ketua  
Program, Pensyarah, ahli  
PMPEP serta mahasiswa  
mahasiswi Fakulti Perniagaan,  
Ekonomi dan Perakaunan.